



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 6 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BELAJAR TANPA SEDAR DENGAN BERCUKUK TANAM, SUPPLEMENT, KOSMO AHAD -ONLINE	LAIN-LAIN
2.	SEKURITI MAKANAN TERJAMIN DI BAWAH KERAJAAN KELUARGA MALAYSIA, EDISI 9 -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Belajar tanpa sedar dengan bercucuk tanam		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	06 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	166,774
Page No	17T019	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	2406 cm ²
Journalist	NORHAFIZAN ZULKIFLI	AdValue	RM 62,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 187,317



Headline	Belajar tanpa sedar dengan bercucuk tanam		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	06 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	166,774
Page No	17T019	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	2406 cm ²
Journalist	NORHAFFIZAN ZULKIFLI	AdValue	RM 62,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 187,317

Di pusat ini, anak-anak autisme dapat melakukan pelbagai aktiviti perkebunan.

Belajar tanpa sedar dengan bercucuk tanam



SEBAIK saja kaki melangkah masuk ke pekarangan Pusat Intervensi Autisme Pensatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) yang terletak di Taman Selamat, Kuantan, Pahang, mata pasti tertarik dengan pemandangan mengujai di halaman, malah terdapat juga pelbagai tanaman sayuran, ulaman dan herba yang ditanam menggunakan kaedah akuaponik.

Di laman belakang pula, terdapat satu bilik kecil yang menempatkan beribu bongkah cendawan tiram yang tersusun rapi di atas rak khas.

Kebun sayuran moden itu sebenarnya projek terbaharu yang dilaksanakan NASOM Kuantan sebagai aktiviti sampingan kepada kira-kira 80 kanak-kanak outistik di pusat intervensi berkenaan.

Melalui projek kebun mini itu, anak-anak yang mengalami masalah autisme itu diberi pendedahan makanan dan mengurus tanaman sayuran seperti bayam brazil, pegaga, cili, lidah buaya, cendawan tiram dan pelbagai lagi.

Di situ mereka diberi peluang untuk bermain dengan tanah, melakkan berih dalam bekas semaian, menyiram dan bila tiba masanya, mereka juga akan memetik sayur-sayuran yang ada.

Setiap pelajar akan meluangkan masa 30 minit atau sejam melakukan aktiviti berkebun yang dilakukan secara bergilir-gilir dengan dibimbing oleh guru masing-masing.

Setiap lima orang pelajar akan ulawasi dua guru bagi memastikan aktiviti yang dilakukan itu berjalan dengan lancar dan selamat.

Bek kata orang, berbakti pada tanah pasti ada hasilnya. ran bajri kanak-kanak isi (mewa ini), hasilnya bukan hanya merujuk kepada tanaman yang dikujap semata-mata bahkan lebih dari pada itu.

Di samping memberi kemahiran hidup kepada kanak-kanak outistik menguji pertanian yang mungkin suatu hari nanti menjadi peluang pekerjaan kepada mereka, aktiviti berkebun yang dilaksanakan itu juga sebenarnya sebagai satu terapi untuk merangsang sensori mereka.

Perubahan mengaitkan autisme dengan Gangguan Pemprosesan Sensori atau Sensory Processing Disorder (SPD) kerana ia kerap berlaku kepada individu autistik sama ada kanak-kanak atau orang dewasa.

SPD merujuk kepada kegagalan

EKSTRA AUTISME

- Autisme adalah gangguan perkembangan neuro sepanjang hayat
- Ia memberi kesan kepada perkembangan otak dan mempengaruhi keupayaan anak untuk berkomunikasi, berinteraksi secara sosial dan belajar seperti anak biasa
- Merupakan sejenis gangguan spektrum, jadi ada individu terjejas pada tahap rendah, sederhana dan tinggi
- Terdapat pelbagai tanda, tetapi kebiasaannya melibatkan masalah kemahiran sosial, masalah percakapan dan bahasa, masalah komunikasi tanpa lisan dan ketidaktahuan tidak fleksibel



Oleh
**NORHAFFIZAN
ZULKIFLI**

satu, sebahagian atau keseluruhan fungsi sensori sehingga menjejaskan tingkah laku atau response terhadap persekitaran disebabkan maklumat sensori yang dibantar ke otak tidak tepat.

Individu autisme biasanya sukar untuk mengawal, memahami dan mentafsirkan maklumat sensori mereka.

Kajian di luar negara sebelum ini mendapati, SPD dalam kalangan individu autistik mungkin selinggi 90 peratus.

Bagi merawat masalah SPD, Terapi

Integrasi Sensori (SIT) dilakukan untuk memulihkan pemprosesan saraf dengan cara meningkatkan keupayaan setiap sistem sensori menerusi aktiviti-aktiviti yang memberi cabaran memukupi kepada input sensori individu terbaharu.

Berkebun adalah antara aktiviti SIT terbaik kerana ia membahayakan hampir semua elemen deria iaitu sentuhan, bau, penglihatan, pendengaran dan proprioseptif (kerja berat) yang mampu merangsang sensori kanak-kanak autisme.

Penasihat NASOM Kuantan, Zuhairiyah Mohd. Noor berkata, dengan melakukan aktiviti berkebun, pelajar mula menunjukkan perkembangan positif di dalam kelas.

"Sejak projek kebun ini dilaksanakan, kanak-kanak dilihat lebih responsif bila berada dalam kelas dan mereka juga lebih mudah menerima arahan.

"Kemampuan untuk fokus dalam



ZUHAIRIYAH

PUSAT intervensi ini terletak di Taman Selamat, Kuantan, Pahang.



Headline	Belajar tanpa sedar dengan bercucuk tanam		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	06 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	166,774
Page No	17T019	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	2406 cm ²
Journalist	NORHAFIZAN ZULKIFLI	AdValue	RM 62,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 187,317

kalangan kanak-kanak autisme sangat terhad dan disebabkan itu, mereka tidak boleh berada lama di dalam kelas. Mereka lebih gemar melakukan aktiviti di luar dan melalui aktiviti bercucuk tanam, mereka sebenarnya melakukan terapi dan belajar tanpa sedar.

"Ketika aktiviti itu, guru banyak bercakap dengan mereka dan benda yang nampak remeh sebenarnya satu proses pembelajaran yang mereka boleh terima tanpa paksaan.

"Apabila mereka belajar untuk menerima arahan ketika berkebun, mereka juga akan boleh menerima arahan ketika di dalam kelas," katanya ketika ditemui di pusat berkenaan.

Zualiriyah berkata, NASOM Kuantan kini mempunyai dua premis iaitu untuk peringkat awal membabitkan kanak-kanak berusia empat hingga lapan tahun atau dipanggil Program Intervensi Awal (EIP), manakala satu lagi dipanggil Vokasional membabitkan pelajar berusia sembilan hingga 19 tahun.

"Pada mulanya kita hanya membuat projek kraf tie dye serta biskut, namun hasilnya mengejutkan sehingga boleh dijual dan memberi pulangan kepada pelajar semula.

"Kemudian, kita buat projek kebun secara kecil-kecilan dengan menanam pokok bunga hiasan untuk dijual. Namun, melihat kepada potensi yang ada, kita telah menambah baik dengan membuat kebun organik secara akuaponik bermula tahun 2019.

"Bagi memastikan projek itu berjaya, guru telah diberikan latihan mengenai pertanian akuaponik daripada individu yang pakar dalam bidang berkenaan.

"Projek kebun terbabit terus berkembang apabila pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menyumbang kit sistem hidropnik kepada kami," katanya.

Jelas Zualiriyah, pada tahun 2020, pihaknya meluaskan lagi projek kebun dengan mengusahakan cendawan tiram melalui geran yang diperolehi daripada sebuah syarikat antarabangsa.

Tambahnya, tanaman tiram memberi pulangan lebih lumayan kerana hasilnya lebih cepat berbanding tanaman lain.



PEL BACA! Jenis tanaman hijau terdapat di pusat intervensi ini yang mampu merangsang sensori anak-anak autistik.



SESETENGAH anak autisme turut berpeluang mengikuti aktiviti di dalam bilik tanaman tiram.



ANAK-ANAK ini menjadi lebih responsif selepas mengikuti aktiviti pertanian.



KANAK-KANAK berpeluang bermain tanah.

"Kami tidak menyangka projek kebun yang pada mulanya untuk aktiviti sampingan kanak-kanak kini mampu menjana pendapatan tambahan kepada pusat ini.

"Walaupun projek tanaman cendawan tiram ini lebih berpotensi, namun kami tidak dedahkannya kepada semua pelajar kerana mengambil kira risiko kesan ke atas pelajar.

"Tidak semua pelajar boleh masuk ke dalam rumah tanaman cendawan, malah tempoh masa aktiviti di situ turut diambil kira kerana kita sangat pentingkan kesihatan dan keselamatan pelajar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2022	EDISI 9	ONLINE	

Sekuriti makanan terjamin di bawah kerajaan Keluarga Malaysia

SEJAK Januari lalu, peningkatan harga yang diukur berdasarkan kepada pertumbuhan Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi makanan dan minuman mengatasi harga keseluruhan barangan dalam ekonomi.

Data menunjukkan peningkatan harga makanan dan minuman pada Jun 2022 adalah yang tertinggi sejak 2015.

Peningkatan harga makanan dan minuman ini memberi kesan besar kepada isi rumah kerana mereka memperuntukkan sekitar 29.5 peratus daripada perbelanjaan mereka ke atas makanan dan minuman.

Lonjakan harga makanan isu global

Isu peningkatan harga makanan yang melanda Malaysia pada ketika ini adalah isu global. Sebagai sebuah negara kecil yang terbuka dan berdagang, Malaysia tidak boleh mengelak daripada menerima kesan ke atas gelagat negara-negara lain terutamanya negara-negara yang menjadi pembekal utama kepada bahan mentah sektor pertanian dan industri makanan di Malaysia.

Malaysia bergantung tinggi kepada import makanan dan juga import bahan mentah seperti makanan ayam daripada negara luar.

Negara-negara pengeksporth ini telah mengalami gangguan pengeluaran akibat daripada impak pandemik Covid-19, ketidaktentuan cuaca dan keadaan geopolitik.

India umpamanya, telah menghadkan eksport gandum kerana faktor cuaca yang menghadkan pengeluaran gandum.

Peperangan antara Rusia dan Ukrain walaupun hanya memberi kesan langsung yang minimal kepada Malaysia namun peperangan tersebut memberi kesan langsung kepada negara-negara yang berdagang dengan Malaysia seperti Eropah. Dengan keadaan tersebut, Malaysia juga terkesan secara tak langsung.

Kesan inflasi dan sekuriti makanan negara

Apakah kesan inflasi ini kepada rakyat? Selain daripada kuasa membeli rakyat semakin berkurangan akibat kenaikan tingkat pendapatan yang lebih rendah berbanding kenaikan harga barangan tekanan kepada sekuriti makanan turut menjadi perkara yang perlu diberi perhatian.

Mengapa sekuriti makanan penting kepada rakyat? Sekuriti makanan bermaksud makanan yang dibekalkan dalam pasaran domestik mencukupi untuk keperluan rakyat, mudah diperolehi, dan bekalan yang berterusan dan stabil.

Strategi proaktif kerajaan

Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah menjalankan pelbagai strategi untuk mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama untuk menjaga kebajikan rakyat dan memastikan daya tahan negara untuk mendepani pelbagai cabaran global.

Gambar rajah di bawah dapat memberi gambaran strategi yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan sepanjang rantai bekalan makanan pada ketika ini.



Secara spesifiknya, pihak kerajaan telah merangka strategi jangka masa pendek antaranya ialah menyediakan pemberian subsidi langsung kepada pengeluar bagi menstabilkan harga makanan di pasaran serta mengimbangi kos pengeluaran makanan.

Sebagai contoh, harga ayam runcit di pasaran adalah pada RM9.40 sekilogram manakala harga minyak masak (botol) runcit pula pada RM7.10 sekilogram.

Kerajaan juga masih memberi subsidi bahan api bagi mengawal inflasi makanan dan barangan lain dalam ekonomi.

Perkara ini susulan daripada timbulnya trend peningkatan harga minyak mentah yang meningkat daripada USD84.1 setong pada Januari 2022 hingga mencecah USD114.7 setong pada Jun 2022.

Perkara ini turut menyumbang kepada perbelanjaan subsidi yang terbesar di dalam sejarah iaitu jangkakan subsidi hampir sebanyak RM80 bilion bagi tahun 2022.

Jika subsidi bahan api dikurangkan, ini akan meningkatkan harga bahan api dan peningkatan harga bahan api ini akan memberi impak berganda kepada inflasi makanan dan keseluruhan barangan.

Malaysia juga dilihat bakal bekerjasama dengan kerajaan Turkiye dalam memperkasakan sekuriti makanan.